

**PERBANDINGAN POLA PENGGUNAAN RADIO  
DI BANDAR DENGAN LUAR BANDAR: KAJIAN  
KES DI BANDARAYA KOTA KINABALU DAN  
PEKAN KOTA BELUD.**

**ONG CHAI SHUANG**

**HA2006-6258**

**SEKOLAH SAINS SOSIAL**

**2009**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1400017180

183582-



PUMS99:1

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL: PERBANDINGAN POLA PENGGUNAN RADI DI BANDAR DGN LUAR  
BANDAR : KAJIAN KES DIBANDARAYA KOTA KINABALU & PEKAN KOTA  
DELAU.

IJAZAH: SERJANA MUDA SAINS SOSIAL

SAYA ONG CHAI SHUANG  
(HURUF BESAR)

SESI PENGAJIAN: 2009

mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Ong Chai Shuang  
(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: P.O. Box 23073  
Luyang, 88790,  
K. Kinabalu.

Tarikh: 16/7/09

Disahkan Oleh

En. Lee Kuo Tiung  
(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

En. Lee Kuo Tiung  
Nama Penyelia

Tarikh: 22.9.2009

CATATAN: \*Potong yang tidak berkenaan.

\*\*Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa /organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

@Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara nenvelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana

PERPUSTAKAAN UMS



1400017180



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**PENGAKUAN PELAJAR**

Saya mengakui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

*CS*

16/7/09

ONG CHAI SHUANG

TARIKH SERAHAN

HA2006-6258




**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN PENYELIA AKADEMIK

Projek Tahun Akhir yang bertajuk **POLA PENGGUNAAN RADIO DI KALANGAN KOMUNITI SABAH: KAJIAN KES PERBANDINGAN DI ANTARA KOTA KINABALU DAN KOTA BELUD** telah diserahkan dan diusahakan oleh Ong Chai Shuang sebagai memenuhi syarat pengijazahan Sarjana Muda Sains Sosial dengan kepujian.

Disahkan oleh,



**EN.LEE KUOK TIUNG**


**LEE KUOK TIUNG**  
Pensyarah Program Komunikasi  
Sekolah Sains Sosial

20.7.2009

**TARIKH SERAHAN**

Penyelia Akademik Latihan Ilmiah I Universiti Malaysia Sabah

Sekolah Sains Sosial



**EN.DZULKIFLEE ABDULLAH BINSIN**

21 - 7 - 09

**TARIKH SERAHAN**

Penyelia Akademik Latihan Ilmiah II

Sekolah Sains Sosial



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan yang ingin saya ucapkan kepada semua pensyarah Sekolah Sains Sosial, khususnya kepada penyelia saya, Encik Lee Kuok Tiung kerana beliau banyak membantu saya dalam menyiapkan tesis ini. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ibu bapa saya iaitu Encik Ong Boon Hup dan Madam Law Mooi Keow kerana memberi saya dorongan dan sokongan dalam membiayai pengajian saya di Universiti Malaysia Sabah selama tiga tahun.

Tidak lupa juga saya ucapkan terima kasih kepada rakan-rakan saya yang banyak membantu dalam memberikan komen baik buruk terhadap tesis saya, khususnya kepada Cammy Seow, Florence, Suzanne, Bon dan Amy.

Saya percaya tanpa bantuan dan kerjasama yang diberikan, tentunya saya tidak dapat menghasilkan tesis ini dalam masa yang singkat ini.

Sekian, terima kasih.

## ABSTRAK

### **POLA PENGGUNAAN RADIO DI KALANGAN KOMUNITI SABAH: KAJIAN KES PERBANDINGAN DI ANTARA KOTA KINABALU DAN KOTA BELUD.**

Kajian ini dikendalikan untuk mengetahui sejauhmana penggunaan radio dikalangan Bandar dan luar Bandar. Kajian ini bertujuan untuk mendedahkan corak dan bentuk bagaimana penggunaan media berdasarkan demografi penduduk Bandar dan luar Bandar. Diharap juga dapatan hasil ini boleh dijadikan sebagai panduan bagi pihak radio untuk menambah baik persembahannya. Teknik penyelidikan yang digunakan untuk mengumpul data adalah pendekatan kuantitatif. Tinjaun dilakukan terhadap 300 responden daripada Bandar dan luar banda. Borang soal-selidik sebagai instrument untuk mengumpul data mengandungi 24 soalan akan diedarkan kepada 300 responden. Dapatan hasil kajian berjaya membuktikan hipotesis kajian iaitu penggunaan radio di Bandar lebih positif berbanding dengan penggunaan radio di luar Bandar. Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa pengguna perempuan lebih kerap menggunakan radio berbanding respondent lelaki.

## **SENARAI JADUAL**

- Jadual 4.1.1: Responden mengikut jantina
- Jadual 4.1.2: Responden mengikut umur
- Jadual 4.1.3: Kekerapan tempat tinggal mengikut kawasan penempatan
- Jadual 4.1.4: Tahap pendidikan tertinggi responden mengikut kawasan
- Jadual 4.1.5: Kekerapan bidang pengajian mengikut kawasan penempatan
- Jadual 4.1.6: Kekerapan pendapatan bulanan mengikut kawasan penempatan
- Jadual 4.1.7: Kekerapan majikan mengikut kawasan penempatan
- Jadual 4.2.1: Kekerapan penggunaan saluran media mengikut kawasan penempatan
- Jadual 4.2.2: Pemilihan saluran media mengikut tahap pendidikan tertinggi
- Jadual 4.2.3: Tahap keminatan terhadap maklumat mengikut kawasan
- Jadual 4.3.1: Pemilikan radio mengikut kawasan Bandar dan luar bandar
- Jadual 4.3.2: Kebergantungan penggunaan radio mengikut Bandar dan luar Bandar
- Jadual 4.3.3: Kepuasan terhadap stesen radio pilihan mengikut kawasan
- Jadual 4.3.4: Tempat kebiasaan mendengar radio mengikut Bandar dan luar bandar
- Jadual 4.3.5: Purata jam dalam sehari yang diperuntukan untuk mendengar radio mengikut kawasan
- Jadual 4.3.6: Kekerapan waktu pendengar mendengar radio mengikut kawasan
- Jadual 4.3.7: Kekerapan mendengar stesen Sabah Vfm mengikut kawasan penempatan
- Jadual 4.3.8: Pendengar radio Sabah Vfm mengikut umur
- Jadual 4.3.9: Kekerapan penggunaan bahasa penghantar dalam saluran radio pilihan responden
- Jadual 4.3.10: Kekerapan sebab mendorong pemilihan stesen radio pilihan responden
- Jadual 4.3.11: Kekerapan sebab tidak mendengar radio mengikut kawasan
- Jadual 4.3.12: Kekerapan kegemaran segmen Sabah Vfm didengar oleh responden mengikut kawasan Bandar dan luar Bandar
- Jadual 4.3.13: Kekerapan cadangan bagi memantapkan lagi radio Sabah Vfm
- Jadual 4.3.14: Kekerapan kecenderungan bersetuju dengan alasan penggunaan media mengikut sitausi yang berbeza

## SENARAI GAMBAR RAJAH

**Rajah 2. 1: Model Pergantungan Ball-Rokeach dan DeFleur 1976**

### SINGKATAN

|     |   |                       |
|-----|---|-----------------------|
| TSL | = | Tidak setuju langsung |
| KS  | = | Kurang setuju         |
| TP  | = | Tidak pasti           |
| S   | = | Setuju                |
| SS  | = | Sangat Setuju         |
| TP  | = | Tidak pernah          |
| J   | = | Jarang                |
| SS  | = | Sekali-sekala         |
| K   | = | Kerap                 |
| SK  | = | Sangat kerap          |
| B   | = | Bandar                |
| LB  | = | luar Bandar           |

| <b>ISI KANDUNGAN</b>                              | <b>MUKA SURAT</b> |
|---|-------------------|
| PENGAKUAN PELAJAR                                 | i                 |
| PENGESAHAN PENYELIA AKADEMIK                      | ii                |
| PENGHARGAAN                                       | iii               |
| ABSTRAK   | iv                |
| ABSTRAC   | v                 |
| SENARAI JADUAL                                    | vi                |
| GAMBAR RAJAH                                      | vii               |
| SINGKATAN   | vii               |
| <br><b>BAB 1 PENGENALAN</b>                       |                   |
|   | 1                 |
| 1.1 Corak penggunaan radio di kalangan masyarakat | 3                 |
| 1.12 Latar belakang Radio Sabah Malaysia          | 5                 |
| 1.2 Pemasalahan kajian                            | 10                |
| 1.3 Objektif kajian                               | 10                |
| 1.4 Kepentingan kajian                            | 11                |
| <br><b>BAB 2 SOROTAN LITERATUR</b>                |                   |
| 2.0 Pengenalan                                    | 13                |
| 2.1 Tinjauan Kajian lalu                          | 13                |
| 2.2 Asas Teori                                    | 17                |
| 2.3 Model Teori                                   | 19                |
| 2.4 Hipotesis                                     | 23                |
| 2.5 Tarifan konsep                                | 23                |
| <br><b>BAB 3 METODOLOGI</b>                       |                   |
| 3.0 Pengenalan                                    | 29                |
| 3.1 Populasi                                      | 32                |
| 3.2 Sampel  | 32                |

|                               |    |
|-------------------------------|----|
| 3.3 Prosedur persampelan      | 33 |
| 3.4 Menganalisis data         | 34 |
| 3.5 Tatacara pengumpulan data | 35 |
| 3.6 Pengoperasian             | 36 |

## BAB 4 DAPATAN KAJIAN

|                               |    |
|-------------------------------|----|
| 4.0 Pengenalan                | 47 |
| 4.1 Latar belakang responden  | 47 |
| 4.2 Bahagian penggunaan media | 53 |
| 4.3 Penggunaan radio          | 61 |

## BAB 5 PERBINCANGAN

|   |    |
|---|----|
| 5.0 Pengenalan                            | 78 |
| 5.1 Implikasi terhadap teori pergantungan | 84 |
| 5.2 Limitasi kajian                       | 84 |
| 5.3 Rumusan kajian                        | 85 |
| 5.4 Cadangan kajian                       | 86 |

## LAMPIRAN

x

## RUJUKAN

xvi



## BAB 1

### PENGENALAN

Sejak tahun 1950-an, media massa telah diberikan tumpuan yang banyak dan ia dilihat sebagai desakan dalam masyarakat membangun, sedang membangun dan yang masih belum membangun. Secara umumnya, ia boleh dibahagikan kepada dua kategori, iaitu media bercetak yang merangkumi media seperti surat khabar, majalah, risalah dan sebagainya yang boleh dipegang dan disentuh. Satu lagi jenis media dikenali sebagai media elektronik. Media elektronik ini termasuklah media seperti televisyen, radio, Internet dan sebagainya yang menggunakan elektrik untuk berfungsi (Hiebert, 1995)

Perkembangan teknologi membolehkan masyarakat berkembang dengan pesat. Teknologi baru banyak diwujudkan untuk membantu masyarakat dalam menyelesaikan masalah dalam kehidupan seharian penduduk. Massa media juga banyak bergantung kepada teknologi ini dalam menjalankan program dan aktiviti mereka dengan lebih pantas dan cekap. Dengan Teknologi baru ini, boleh dikatakan ia dapat menjimatkan masa dan mempercepatkan tahap dan tapak jalan dalam pengurusan setiap hari. Misalnya, kini rakyat boleh melakukan pembayaran bil-bil telefon atau apa sahaja dengan langkah yang senang iaitu hanya menggunakan jari kita menekan pada "key board" atau "tikus" komputer melalui internet.

Selain itu, maklumat terbaru dan terkini juga mudah diperolehi melalui internet. keadaan ini banyak menguntungkan sesetengah pihak, tetapi situasi ini juga membimbangkan sesetengah pihak. Kewujudan media baru membawa satu cabaran besar kepada teknologi lama, televisyen misalnya. Akan tetapi, Radio masih mempunyai kepentingan dalam masyarakat hari ini. Orang ramai mungkin akan memilih penggunaan alat-alat teknologi baru sebagai saluran utama pilihan mereka, malah radio turut memiliki kedudukan yang agak penting dalam keadaan ini.

Perkembangan teknologi bukan sahaja tidak mengantikan radio malah membantu radio menjadi lebih bercanggih lagi dalam era ini. Teknologi baru membantu radio berkembang menjadi lebih berkualiti (Walter Winchell, 1998). Perkembangan AM menjadi FM merupakan salah satu perkembangan yang jelas yang boleh kita lihat pada peringkat ini. FM beroperasi pada frekensi yang lebih tinggi berbanding AM maka ia berjalan dengan lebih lancar dan lebih berkualiti berbanding dengan AM yang selalu digangu oleh "bising" dan sisa-sisa sampingan (Walter Winchell, 1998). Radio menjadi sebuah medium yang penting dalam menyalurkan maklumat dan berita penting, ia juga mempersembahkan hiburan kepada khalayak yang berada di rumah (President Franklin D.Roosevelt). Salah satu penyelidikan yang dijalankan di America menunjukkan bahawa pada awal tahun 1945, hanya terdapat 50 buah stesen FM yang beroperasi dalam udara, manakala pada tahun 1960, jumlah stesen FM telah berkembang menjadi 688 buah sehingga pada tahun 1990, lebih daripada 5600 buah stesen FM yang wujud.

Menurut Ball-Rokeach dan DeFleur pada tahun 1976, teori pergantungan merupakan teori yang paling sesuai digunakan untuk menilai keberkesanannya dan kebergantungan khalayak terhadap sistem media dalam memperolehi maklumat-maklumat dan berita semasa. Ramai orang menganggap radio sebagai sebahagian daripada kehidupan mereka. Mereka akan terasa kurang selesa apabila tidak menyentuhnya dalam sepanjang hari. Misalnya, terdapat sesetengah manusia yang biasa mendengar radio sebelum tidur, ataupun membuka radio di rumah sebaik sahaja bangun. Satu lagi perkara yang amat biasa dilakukan oleh manusia adalah semasa memandu kereta, siaran radio pasti dipasang. Keadaan sebegini cukup menunjukkan kebergantungan kita terhadap radio dalam menjalani kehidupan setiap hari.

Menurut kajian yang dijalankan oleh *Nielsen Radio Audience Measurement (RAM)*, sembilan daripada sepuluh orang yang berumur 10 tahun dan keatas mendengar radio setiap minggu. Menurut hasil kajian ini juga, prestasi radio Malaysia semakin bertenagakat kebelakangan ini. Akan tetapi, keperluan khalayak juga semakin bertambah. Oleh itu, para stesen radio perlu berusaha lagi untuk meningkatkan persembahannya dan memenuhi keperluan khalayak dengan sebaik mungkin.

### **1.1 Corak penggunaan radio di kalangan masyarakat**

Secara umumnya, radio merupakan sesuatu alat teknologi yang mudah diperolehi, fleksibel. Radio boleh diterima isyarat di mana-mana sahaja asalkan frekunsinya tepat dicari. Saluran radio boleh diterima di dalam rumah, kereta,

malah semasa kita berjalan kaki sambil mendengar MP3 kita.

Semasa zaman meleset, radio seolah-olah hidup subur dan mampu mengisi keperluan berjuta-juta manusia yang begitu tertekan pada masa penderitaan itu. Radio mempunyai muzik untuk mengembalikan semangat yang pudar, radio bagaikan pelawak untuk menggembirakan mereka, dan berita-berita yang dramatik untuk menarik perhatian mereka (Badarudin, 1992).

Radio banyak digunakan oleh golongan maritim pada masa dahulu. Ia digunakan untuk mengirim pesan telegraf dengan menggunakan kod morse antara kapal dengan darat. Salah satu penggunaanya adalah Angkatan Laut Jepun pada tahun 1901. Radio juga digunakan untuk menyalurkan perintah dan komunikasi antara Angkatan Darat dan Angkatan Laut. Sebelum media yang lain seperti televisyen diperkenalkan, siaran radio komersial termasuklah drama, komedi, beragam show, dan banyak hiburan lain lagi selain daripada berita dan muzik.

Sebuah penyelidikan yang bertajuk *Key News Audiences Now Blend Online and Traditional Sources* pada tahun 2008 menunjukkan bahawa Isu politik dalam siaran radio membawa seramai 44% khalayak yang menganggap bahawa mereka sebagai khalayak aktif yang konservatif, manakala hanya 19% khalayak yang menganggap mereka sebagai liberal dalam isu politik ini. Kajian ini juga menunjukkan bahawa kaum lelaki lebih berminat dalam pendengaran siaran politik ini berbanding dengan kaum wanita. Dan lingkungan umur

khalayak setia isu politik dalam radio adalah dalam lingkungan antara 30 tahun hingga 49 tahun.

Sebuah berita yang dipaparkan dalam *The New York Times* yang malaporkan tajuk utama *Radio Listeners panis, taking war drama as Fact*. Berita ini menunjukkan bahawa ramai khalayak pendengar radio terkejut dengan laporan rancangan drama peperangan tersebut. Oleh kerana, dalam tanggapan orang ramai, radio memainkan peranan dalam menyalurkan maklumat-maklumat penting dalam masyarakat. Mereka juga menganggap radio mempunyai kreadibiliti dalam menyalurkan maklumat. Oleh itu, apabila mendengar tentang cerita peperangan yang seolah-olah benar itu telah menyebabkan mereka mengalami keadaan panik dan mereka menganggap cerita itu sebagai fakta. Ramai pendengar cuba melarikan diri apabila mendengar peperangan akan berlaku di tempat mereka. Kejadian ini telah mengejutkan keseluruhan New York dan pihak polis terpaksa mengeluarkan pasukan untuk memujuk penduduk supaya jangan melarikan diri dan membuktikan bahawa cerita itu hanya lah cerita dan bukan fakta.

### **1.1.2 Latar belakang Radio Sabah Malaysia**

Pada awal tahun 1920 hingga 1950, Radio merupakan satu alat yang mampu mengeratkan hubungan seisi rumah, semua ahli keluarga duduk bersama mengelilingi radio untuk menikmati hiburan yang dibawa oleh radio. Walaupun radio hanya mempersembahkan secara audio, tetapi ia mampu memberi imej dalam pemikiran pendengar (James Wilson, Stan Le Roy Wilson, 1998).

Pada seketika, radio berkembang dengan pesat sekali dalam era golden radio, wujudnya berbagai-bagai stesen radio yang beroperasi dalam America. Keadaan ini amat membimbangkan sesetengah stesen radio, ini kerana terlalu ramai stesen yang memancarkan program mereka melalui signal dan ini akan diganggu antara satu sama lain. Setelah beberapa usaha yang dilakukan, akta Radio 1972 akhirnya diluluskan. Keadaan ini berubah akibat penubuhan akta ini, stesen radio yang ramai itu semakin berkurangan dan akhirnya dimonopoli oleh beberapa buah stesen radio sahaja (James Wilson, Stan Le Roy Wilson, 1998).

Tetapi, sepanjang perbahasan ini diteruskan, pengiklanan secara senyap menyelinap masuk sebagai sumber pendapatan yang boleh diharapkan untuk siaran radio. Pada mulanya, pengiklanan bersifat mulia dan terkawal. Tetapi tidak lama kemudian, ia menjadi semakin berterus terang. Orang ramai terpaksa menerima kerana mereka rela mendengar pujukan penaja asalkan dapat mendengar rancangan-rancangan mereka. Akibatnya, para penyiar menerima keuntungan besar daripada penjualan masa siaran kepada pengiklan.

Siaran Radio dibawa ke Malaysia pada tahun 1939. Sebenarnya, Radio ini boleh dimulakan sejak lima puluh tahun lagi, tetapi pada masa itu, tidak ada orang yang berani memulakannya sehingga wujudnya seorang jurutera Telekom, Mr, Bradley. Beliau berusaha mencuba untuk memancarkan radio dari rumahnya sebagai studio kepada khalayak. Dan akhirnya, beliau berjaya membawa alat teknologi yang amat berguna ini dalam kehidupan penduduk Malaysia.

Stesen Radio di Malaysia dibahagi kepada empat bahagian, iaitu Nasional, Negeri, Daerah, dan juga Antarabangsa. Stesen Radio Malaysia Nasional termasuklah Klasik Nasional, Muzik FM, KL FM, TraXX FM, Ai FM, Minnal FM, dan Asyik FM. Manakala stesen Radio Malaysia yang digolongkan di bawah kategori Negeri termasuk Perlis FM, Kedah FM, Mutiara FM, Perak FM, Selangor FM, Negari FM, Melaka FM, Johor FM, Pahang FM, Terengganu FM, Kelantan FM dan Sarawak FM serta Sabah FM dan Sabah VFM.

Siaran Radio Sabah bermula pada tahun 1952. Pada masa itu, bahasa penghantar yang digunakan dalam stesen ini adalah termasuklah tiga bahasa utama, iaiti bahasa Melayu, Mandarin dan Inggeris. Ianya dikendalikan oleh Pejabat Pos dan Telegraf North Borneo dan dirasmikan pada tahun 1955 sebagai Radio Sabah dan dikenali sebagai Radio Malaysia Sabah pada tahun 1963.

Dengan perkembangan dan kemujuan yang dicapai, Radio Sabah Malaysia telah mula memperkenalkan bahasa yang lain, seperti pada tahun 1956, bahasa Kadazan diperkenalkan dan diikuti dengan bahasa Murut, Bajau dan Bahasa Indonesia. Akan tetapi, perubahan telah berlaku beberapa tahun kemudian, Sabah FM (Bahasa Melayu) kekal sebagai satu saluran tetapi Sabah FM (Dusun/Kadazan/Murut) dan Sabah V FM (English/Chinese) telah digabung menjadi Sabah V FM.

Seperti yang dinyatakan tadi, Sabah V FM mengandungi enam segmen yang berlainan. Ia melambangkan keistimewaan Malaysia yang berbilang kaum.

Enam segmen ini mengandungi bahasa Inggeris, Cina, Kadazan, Dusun, Murut dan Bajau. Setiap segmen mempunyai lebih kurang empat atau lima orang DJ ke atas yang bertanggungjawab sebagai penyampai dan mempersembahkan apa yang terbaik dan menyampaikan maklumat yang terkini dan tepat kepada khalayak dan pendegarnya.

Waktu siaran bagi Bahasa Inggeris adalah pada sesi pagi 0000-0200 dan sesi petang 1100-1400 serta sesi malam 2300-2400 setiap hari. Bahasa Cina pula disiarkan pada sesi pagi 0830-1100 setiap hari. Bagi Bahasa Kadazan, waktu siaran terletak pada sesi pagi 0500-0700 dan sesi petang 1400-1630 setiap hari. Pendengar radio bahasa Dusun hanya dapat dengar siaran bahasa Dusun pada sesi pagi 0700-0830 dan juga sesi malam 2100-2300. Bahasa Murut disiarkan pada waktu sesi pagi 0400-0500 dan malam 1900-2100 manakala bahasa Bajau pula disiarka pada sesi pagi 0200-0400 dan petang 1630-1900.

Terdapat lima situasi dimana ia dicadangkan oleh industri radio untuk memahami tingkah laku khalayak radio. Pertama, kebanyakan individu hanya memilih tiga stesen radio yang utama yang gemar didengar dan masa yang diperuntukan dalam pendengaran radio meliputi 65-70 peratus dalam seharian. Kedua, muzik telah dibahagikan kepada hitam, putih dan Hispanics dalam United State. Ketiga, gender yang berbeza sering mengalami pemilihan muzik yang berbeza. Keempat, khalayak radio yang lebih daripada sepuluh tahun akan mengalami pemilihan muzik yang unik dengan minat mereka yang unik. Dan kelima, pemilihan muzik mampu mencerminkan gaya hidup seseorang .

Khalayak radio bersifat kompleks dan sukar untuk dinilai. Ini kerana, pendengar tidak terikat dengan stesen yang mereka sedang dengar. Mereka bebas melakukan apa sahaja di samping mendengar saluran radio. Tambahan pula terdapat sebanyak 20-35 peratus pendengar merupakan pendengar yang menikmati saluran radio ini di luar rumah (Adam Briggs & Paul Cobley. 2002).

Sebanyak 74 peratus pendengar radio yang menikmati siaran radio mereka di rumah, manakala 32 peratus pendengar yang menikmati saluran radio mereka di dalam kereta mereka semasa dalam penjalanan mereka ke pejabat dan balik rumah. Hanya 18 peratus pendengar siaran radio yang menikmati saluran ini semasa berkerja ( Mario Axiak.2008)

Satu lagi kajian yang dilakukan oleh Veronic, Suhler telah menunjukkan masa peruntukan sehari dalam media massa. Secara kasarnya, masa diperuntukkan dalam menonton televisyen adalah seramai empat jam sembilan minit dalam sehari, masa yang diluangkan untuk mendengar radio merupakan peruntukan yang kedua tertinggi dalam semua media massa ini iaitu tiga jam satu hari diikuti dengan membaca suratkhabar, buku dan majalah masing-masing hanya 28 minit, 16 minit dan 14 minit dalam sehari yang diperuntukan (Richard Harwood.1995)

Media massa seperti televisyen, radio, surat khabar atau internet memberikan kesan yang berpengaruh sekali terutamanya pengaruh televisyen kepada kanak-kanak. Ini mungkin disebabkan minda seseorang kanak-kanak

masih belum dapat menilai sesuatu dengan lebih kritikal. Justeru itu, apa yang dilihat oleh kanak-kanak akan dipercayai oleh mereka dan diikuti oleh mereka serta dilakukan semula. Begitulah berkesannya media massa dapat menukar pemikiran, sikap dan perlakuan penonton yang terdedah kepada media.

Radio dan suratkhabar mempunyai potensi untuk membina keganasan (Harry James Cargas. 1990). Pada satu ketika dahulu, ahli saintik banyak mengkaji tentang perhubungan yang wujud antara media massa dengan tingkah laku individu, terutamanya dalam aspek keganasan dan tingkah laku luar biasa (Barry, 1995).

## **1.2 Pemasalahan kajian**

Media merupakan kuasa keempat dalam negara yang sedang membangun. Ia berperanan dalam menyumbangkan maklumat dan informasi yang terkini kepada khalayak ramai. Radio, sebagai media yang mampu menyediakan informasi dengan cepat, tepat dan berkesan. Namun, setakat ini, belum ada data atau maklumat yang terkini yang boleh digunakan sebagai panduan untuk membantu pihak RTM membuat perancangan dan keputusan. Kajian pendengar Radio Malaysia di Sabah 2001 merupakan kajian terakhir dilakukan oleh pihak RTM. Ini menunjukkan bahawa data-data yang diperolehi daripada laporan kajian tersebut sudah tidak relevan dengan masakini.

Satu lagi masalah yang dihadapi sekarang adalah kewujudan media elektronik yang lain seperti Internet. Persoalan wujud di sini, adakah kewujudan

internet ini mengurangkan kekerapan pendengar radio? Dan adakah generasi muda sekarang kurang mendengar radio?

### **1.3 Objektif kajian**

- i. Kajian ini dilakukan untuk menilai sejauh manakah corak penggunaan radio di bandar dan luar bandar.
- ii. Selain itu, kajian ini juga dilakukan untuk membandingkan tahap penggunaan radio di bandar dan luar bandar.
- iii. Pengkaji ini juga ingin mengesan faktor-faktor yang mencetus keadaan sedemikian wujud.
- iv. Kajian ini adalah untuk menilai tahap kebergantungan penggunaan radio di bandar dan luar bandar.
- v. Ia juga dilakukan untuk mengenalpasti jenis dan segman yang gemar didengari oleh para penduduk di bandar dan luar bandar.

### **1.4 Kepentingan kajian**

Kajian ini penting kerana sudah lama tidak ada kajian pemantauan pola penggunaan radio di Sabah dijalankan. Kajian ini penting juga atas sebab dengan menggunakan data-data terkini ini, pihak RTM dapat menggunakannya untuk menjadikan garis panduan dan mengemaskini corak dan pola penyampaian radio mereka. Kajian ini juga mampu memberi insentif kepada pihak RTM untuk meningkatkan lagi tahap popular dan membuat persiapan awal untuk menghadapi dengan persaing lain.

## BAB 2

### SOROTAN LITERATUR

#### 2.0 Pengenalan

Curran dan Seaton (2003), Omar Souki Oliver, Eric Boehlert banyak menyumbang dalam bidang media massa ini. Kajian yang dilakukan oleh mereka membantu pengkaji menjadikannya sebagai garis panduan dalam menyediakan pengubahsuaian dan meningkatkan pretasi stesen radio. Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan tentang kajian-kajian lepas yang dilakukan oleh para penyelidik dan seterusnya menjelaskan model teori yang digunakan dalam kajian ini.

Model yang akan digunakan untuk membimbing usaha memahami pola penggunaan radio di kalangan bandar dan luar bandar dalam kajian ini diambil daripada model Pergantungan oleh Ball-Rokeach dan DeFluer pada tahun 1976. Asal teori yang diperkenalkan oleh Ball-Rokeach dan DeFleur menjelaskan perhubungan antara tiga pihak yang iaitu khalayak, media dan masyarakat. Melalui teori ini, kita dapat mengetahui bagaimana masyarakat memerlukan media massa sehingga mewujudkan keadaan dimana ada orang akan merasakan seolah-olah tugas harian mereka tidak lengkap jikalau tidak dapat membaca surat khabar ataupun tidak dapat menonton berita di televisyen.

Pengkaji percaya setiap individu tentu pernah mengalami keadaan dimana

berita yang didapati daripada media massa amat penting bagi mereka dalam menjalankan tugas harian. Keadaan semasa amat memerlukan media massa dan keadaan ini dilihat sebagai pergantungan. Kajian menunjukkan pergantungan kepada media amat ketara pada waktu pergolakan, krisis ataupun bencana.

## **2.1 Tinjauan Kajian Lalu**

Penyiaran pada hari ini menunjukkan hasil satu evolusi semasa yang panjang dan berterusan meliputi beberapa inovasi teknologi, kemajuan saintifik, dan bentuk-bentuk sosial dan ekonomi baru yang menggegarkan. Terdapat tiga isu yang agak ketara dalam menjelaskan evolusi telekomunikasi, iaitu terdapat faktor-faktor sosial yang kompleks dan pelbagai. Kedua, terdapat rangkaian pencapaian teknikal dan saintifik yang terkumpul dan ketiga terdapat peristiwa yang mengakibatkan pengalihan teknologi radio telefon dan wireless (Badarudin, 1992)

Pada abad ke-20 ini, kebanyakan berita dan maklumat-maklumat terkini disampaikan oleh penyiaran surat khabar dan televisyen serta radio (Curran & Seaton, 2003). Pada awal tahun 1932, Presiden Franklin D. Roosevelt telah mula menggunakan radio untuk cuba berkomunikasi dengan khalayak melalui '*fireside chats*'. Akan tetapi, percubaan awal ini menggelirukan khalayak pada awalnya. Sehingga pada tahun 1980 dan 1990, presiden Ronald Reagan, George Bush dan Bill Clinton cuba menggunakan radio untuk menjalankan perbualan secara langsung kepada para khalayak. Peristiwa ini telah mencetus apa yang telah berlaku pada hari ini, kebanyakan Radio AM beroperasi dengan persembahan

*Talk Show* dan konversasi antara khalayak (Jack Benny).

Jurnal Brazilan' *Media Usage as a test of Dependency Theory'* yang dihasilkan oleh Omar Souki Oliver, *Universidade Federal de Minas Gerais* menggunakan teori pergantungan dalam tajuk utama penyelidikannya. Beliau menekankan bahawa teori ini memainkan peranan yang penting dalam menjelaskan perhubungan antara tiga pihak yang dikaji iaitu media, khalayak dan juga masyarakat. Teori ini menjelaskan perhubungan yang positif antara tiga pihak ini adalah saling bergantung antara satu sana lain.

Sebuah kajian pendengar Radio Malaysia yang dijalankan pada tahun 1994 menunjukkan bahawa radio yang paling digemari adalah radio Malaysia Kota Kinabalu Rangkaian Nasional diikuti dengan Rangkaian Biru. Bentuk rancangan yang paling suka didengar adalah kategori hiburan diikuti berita. Dapatan hasil kajian ini menunjukkan faktor utama mendengar radio adalah kerana hiburan, mendengar berita, menambah pengetahuan, mengisi masa lapang dan diikuti dengan mendengar rancangan sukan.

Kajian Penilaian Rancangan Radio Malaysia saluran satu tahun 2000 juga menunjukkan radio yang biasa didengar dan paling suka didengar di Sabah ialah Radio Malaysia saluran Muzik dan diikuti dengan Radio Malaysia Sabah. Bentuk rancangan yang gemar didengar ialah Hiburan, Berita dan diikuti oleh Agama. Kriteria DJ yang paling disukai ialah yang pandai berceloteh dan penyampaian menarik.

## **RUJUKAN**

### **Buku**

**Balnaves.M & Caputi.P.2001.**Introduction to Quantitative Research Methods: An Investigative Approach. London: Sage.

**Joan Gorham.2003.**Mass Media: Annual Edition 03/04.United state: McGraw Hill.

**John D.H. Downing.1996.**Internationalizing Media Theory: Transition, Power, Culture. London: Sage.

**James Wilson, Stan Le Roy Wilson.1998.**Mass Media, Mass Culture : An Introduction. New York: McGraw-Hill.

**Noor Bathi Hj. Badarudin.1992.**Teori Komunikasi Massa.Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Diterjemahkan dari 'Theories of mass communication', Edisi keempat, cetakan kedua, karangan Melvin L. DeFleur dan Sandra Ball-Rokeach, terbitan Longman.1982.

**Ray Eldon Hiebert.1995.**Impact of Mass Media: Current Issues.USA: Longman.

**Roger D.Wimmer & Joseph R. Dominick.2003.**Mass Media Research: An Introduction.United State: Wadsworth.

**Stephen W. Littlejohn/ Karen A. Foss.2005.**Theories of Human Communication. Eighth Edition. USA: Thomas Wadsworth.

**Susanna Hornig Priest.1996.**Doing Media Research: An Introduction. United State: Sage.

**Syed Arabi Idid.1998.**Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial.Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.

## Bahan Rujukan Elektronik

**Dependency Theory.** Media depends on the social context (atas talian)

<http://www.cw.utwente.nl/theorieenoverzicht/Theory%20clusters/Media,%20Culture%20and%20Society/Dependency%20Theory-1.doc/> Dicetak pada 9 Jun 2004.

**Key News Audience Now Blend Online and Traditional Sources dlm.**

<http://people.press.org/report/?pageid=1353>

**Media Dependency Theory dlm.**

<http://www.informaworld.com/smpp/content~content=a785314418~db=all>

**Media Dependency Theory (atas talian)**

<http://www.uky.edu/~drlane/capstone/mass/dependency.htm> . Dicetak pada 21 March 2000.

**Radio Thrives in Malaysia -Nielsen (atas talian)** <http://www.asiamediajournal.com>

Dicetak pada 21 Oktober 2008.

**Vascular Morphometric Changes After Radioactive Stent Implantation: A Dose-Response Analysis (atas talian)** <http://linkinghub.elsevier.com/retrieve/pii/S0735109701017764>.

Dicetak pada 6 Februari 2006.

**Why the Media Lies( atas talian)** <http://www.mediamonitors.net/mosaddeg32.html>.

Dicetak 11 March 2009.

**Zamris Habib. 2008. Program Radio dan TV Pendidikan (atas talian)**

<http://zamrishabib.wordpress.com/2008/05/13/program-radio-dan-tv-pendidikan/>

Dicetak 13 Mei 2008.

